



SIARAN AKHBAR

KAJI SELIDIK BAGI TAHAP PENGGUNAAN DAN KESEDARAN MENGENAI PEMBAYARAN DIGITAL

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), dengan kerjasama Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Baiduri Bank Berhad (BBB), Standard Chartered Bank (SCB), dan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) akan mengendalikan satu kaji selidik sebagai sebahagian daripada usaha persediaan untuk membangunkan Pelan Hala Tuju Pembayaran Digital atau Digital Payment Roadmap (2026-2030). Kaji selidik tersebut akan bermula pada 21 Julai sehingga 10 September 2025.
2. Kaji selidik ini berperanan untuk menilai penggunaan, pilihan, cabaran, dan kesedaran orang ramai terhadap pembayaran digital. Hasil kaji selidik tersebut akan membantu pihak BDCB untuk membentuk strategi bagi pelan hala tuju yang akan datang, untuk memastikan agar pembayaran digital di Negara Brunei Darussalam lebih mudah, selamat, dan memenuhi keperluan para pengguna.
3. Kaji selidik tersebut akan diedarkan secara dalam talian melalui laman web rasmi BDCB dan secara fizikal. Ia juga akan diedarkan kepada pelanggan-pelanggan dari bank-bank yang terlibat. Bagi sama-sama menyokong inisiatif dan mencapai objektif kaji selidik berkenaan, orang ramai digalakkan untuk mengambil bahagian dan mengongsikan pengalaman sebenar mereka dengan jujur dan tepat apabila melengkapkan kaji selidik tersebut.
4. BDCB juga ingin mengongsikan bahawa semua maklumat yang dikumpul akan dianggap sulit. Seterusnya, BDCB tidak akan meminta sebarang maklumat peribadi selain daripada data demografi seperti kumpulan umur, tempat kediaman (kampong sahaja), jantina, status pekerjaan, dan pendapatan bulanan. Oleh itu, orang ramai dinasihatkan untuk sentiasa berwaspada terhadap kaji selidik yang menyamar sebagai BDCB yang mungkin meminta maklumat peribadi dan kewangan seperti butiran akaun bank, butiran kad kredit/debit, dan sebagainya.
5. Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai kaji selidik tersebut, sila hubungi BDCB di talian 2381373 atau emel melalui psa@bdcg.gov.bn.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 26 Muharram 1446H / 21 Julai 2025M

Rujukan: BDCB/COMMS/3